BERGU ENGINEERING (M) SDN BHD & ANOR

lwn.

TEH TIONG FOO

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZULKEFLI MAKINUDIN H
[RAYUAN SIVIL NO: 12-28-98]
7 FEBRUARI 2002

TORT: *Kecuaian - Kemalangan jalanraya - Liabiliti - Kecuaian sumbangan - Sama ada terdapat kegagalan memberi penilaian*

GANTIRUGI: *Kuantum - Kecederaan peribadi - Kehilangan keupayaan menghasilkan pendapatan - Tempoh masa award untuk kehilangan keupayaan sebelum perbicaraan - Sama ada harus dikurangkan*

Perayu terlibat dalam suatu kemalangan dengan responden. Apabila kes ini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa perayu adalah 100% bertanggungan dan telah memberi penghakiman award bagi gantirugi ke atas kecederaan yang dialami oleh responden.

Perayu membuat rayuan ke mahkamah ini ke atas isu liabiliti dan kuantum gantirugi.

Diputuskan:

[1] Rayuan perayu berkenaan dengan isu kuantum bagi award gantirugi ditolak. Award yang diberi berpatutan dan munasabah, dan tidak "manifestly excessive". Berkenaan dengan rayuan terhadap award kehilangan keupayaan menghasilkan pendapatan, didapati bahawa terdapat asas-asas untuk pemberian award bagi kehilangan pendapatan. (ms 213 f)

[1a] Hakim sesyen juga tidak tersilap dalam menggunapakai formula pendarab ("multiplier") dalam menentukan award kehilangan keupayaan menghasilkan pendapatan untuk masa hadapan yang diberi kepada responden. Namun begitu, hakim sesyen hendaklah menolak tempoh masa award untuk kehilangan pendapatan sebelum perbicaraan ("pre-trial") daripada tempoh pendarab 16 tahun yang telah diberi. Maka, pendarab hendaklah diubah kepada 15 tahun 9 bulan, dan bukannya 16 tahun. (ms 213 h-i)

[2] Rayuan perayu terhadap isu liabiliti dibenarkan. Hakim sesyen telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang dengan memutuskan bahawa perayu adalah 100% bertanggungan terhadap kemalangan tersebut. Berasaskan bukti-bukti yang dibentangkan, liabiliti kedua belah pihak hendaklah sama rata, iaitu 50:50. (ms 213 d-e)

[3] Sungguhpun hakim sesyen telah merujuk kepada prinsip undang-undang yang betul, tetapi beliau gagal untuk menilai dan memberi pertimbangan yang yang betul ke atas keterangan bebas yang ada di hadapannya. Beliau telah menyalaharah dirinya dalam penilaian dan pertimbangannya ke atas fakta-fakta yang dibuktikan melalui rajah kasar dan kunci yang disediakan oleh pegawai penyiasat. (ms 216 c-d)

[4] Hakim sesyen gagal membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas bentuk kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan yang terlibat dalam kemalangan iaitu motosikal yang ditunggang oleh responden dan motor lori yang dipandu oleh perayu. (ms 217 b-c)

[5] Berkenaan dengan prinsip kecuaian sumbangan, apa yang perlu untuk dibuktikan bagi dakwaan kecuaian sumbangan adalah pihak yang cedera, atas kepentingan untuk dirinya sendiri, telah gagal mengambil tindakan berjaga-jaga untuk dirinya dan ketiadaan berjaga-jaga ini telah menyumbang kepada kecederaannya. Dalam kes ini, hakim sesyen gagal memberi penilaian ke atas kecuaian sumbangan responden terhadap kemalangan tersebut. (ms 213 e)

[6] Berasaskan fakta-fakta di hadapan makamah ini, responden telah menunggang motosikalnya secara cuai dengan memotong sebuah motosikal lain di hadapannya di sebuah selekoh dan telah bertembung dengan lori perayu di tengah jalan. (ms 220 g)

[Rayuan perayu berkenaan kuantum gantirugi ditolak. Rayuan perayu berhubung isu liabiliti dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Datuk Syed Kechik Syed Mohamed & Anor v. The Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors And Another Appeal [1998] 3 CLJ 169 ***(dirujuk)***

Karthiyuni & Anor v. Lee Leong Sin [1975] 1 MLJ 119 ***(dirujuk)***

Mohamed Hashim v. Lim Ah Too [1969] 2 MLJ 205 ***(dirujuk)***

Paya Terubong Estates Sdn Bhd v. Pusaka Warisan Sdn Bhd [1998] 2 CLJ 909 ***(dirujuk)***

Yahaya Mat & Anor v. Abdul Rahman Abu [1982] CLJ 68; [1982] CLJ (Rep) 363 ***(dirujuk)***

Yahaya Mohamad v. Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117 ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu - Jagjit Singh (Hari Rahman); T/n Lim Him Wee & Co
Bagi pihak responden - Daljeet Singh; T/n Gurdev, Dalgit, Su & Co

Dilaporkan oleh M Maheswaran

PENGHAKIMAN

Zulkefli Makinudin H:

Ini adalah rayuan pihak perayu/defendan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang diberikan pada 20 Ogos 1998 di mana hakim sesyen tersebut telah memutuskan bahawa perayu/defendan adalah 100% bertanggungan terhadap kemalangan yang berlaku dan telah memberi penghakiman award bagi gantirugi ke atas kecederaan-kecederaan yang dialami oleh responden/plaintif. Rayuan pihak defendan adalah ke atas kedua-dua isu liabiliti dan kuantum gantirugi.

Setelah mengkaji rekod rayuan dan setelah mendengar hujah-hujah peguam perayu/defendan dan peguam responden/plaintif saya telah pada 26 Oktober 1999 mencapai keputusan dalam rayuan ini seperti berikut:

Berhubung dengan isu liabiliti saya membenarkan rayuan perayu. Saya mendapati hakim sesyen yang membicarakan kes ini telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa perayu/defendan adalah 100% berkecuaian terhadap kemalangan tersebut. Saya mendapati hakim sesyen tersebut telah gagal memberi penilaian ke atas kecuaian sumbangan pihak responden/plaintif terhadap kemalangan tersebut. Saya mendapati berasaskan keterangan pegawai penyiasat SP2, rajah kasar dan kunci serta bentuk kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan, liabiliti kedua-dua belah pihak hendaklah dibahagi sama rata 50:50.

Berhubung dengan rayuan perayu terhadap kuantum bagi award gantirugi ke atas kecederaan-kecederaan yang dialami oleh responden/plaintif saya menolak rayuan ini. Saya mendapati award yang diberi adalah berpatutan dan munasabah dan tidak "manisfestly excessive". Berhubung dengan rayuan terhadap award kehilangan keupayaan menghasilkan pendapatan untuk masa hadapan yang diberi kepada responden/plaintif saya juga menolak rayuan ini. Saya mendapati terdapat asas-asas bagi hakim sesyen tersebut memberi award bagi kehilangan pendapatan ini. Saya juga mendapati hakim sesyen tersebut tidak tersilap dalam menggunapakai formula pendarap dalam menentukan award kehilangan keupayaan menghasilkan pendapatan ini. Walau bagaimanapun dalam pemberian award tersebut saya berpendapat hakim sesyen hendaklah menolak tempoh masa award untuk kehilangan pendapatan sebelum perbicaraan (pre-trial) daripada tempoh pendarap 16 tahun yang telah diberi bagi award kehilangan keupayaan menghasilkan pendapatan ini. Oleh yang demikian saya memutuskan bahawa pendarap (multiplier) ini hendaklah diubah kepada 15 tahun sembilan bulan dan bukan 16 tahun.

Pihak responden/plaintif sekarang telah tidak berpuas hati terhadap keputusan saya berhubung dengan isu liabiliti dan telah memfailkan notis rayuan mengikut kebenaran yang telah diberikan oleh mahkamah rayuan pada 21 Januari 2002.

Fakta-fakta kes berhubung dengan bagaimana kemalangan berlaku mengikut versi kedua belah pihak adalah seperti yang dinyatakan oleh hakim sesyen dalam alasan penghakimannya seperti berikut:

> Adalah kes Plaintif (SP2) bahawa pada 9hb April, 1996 jam lebih kurang pukul 3.00 petang, dia menunggang motosikalnya No. ACR 5161 di atas jalan Ipoh - Kuala Kangsar menuju ke arah Ipoh. Apabila tiba di KM25 Jalan Ipoh - Kuala Kangsar tersebut, dia melihat sebuah lori sedang memotong sebuah kereta. Lori tersebut dipandu oleh Defendan Kedua (DW1). Lori Defendan Kedua telah memotong kereta tersebut dan telah makan jalan Plaintif. Akibatnya Plaintif telah melanggar bahagian belakang sebelah kanan lori Defendan Kedua. Plaintif dan motosikalnya jatuh dan menggelunsur di atas jalan. Plaintif mengalami kecederaan yang teruk – iaitu patah tulang kaki kanan dan kedua-dua tangannya.
>
> Kes Defendan, yang mana Defendan Kedua (DW1) telah memberi keterangan, adalah bertentangan dengan cerita plaintif. Menurut DW1 pada hari yang malang tersebut plaintif telah menceroboh jalannya ketika memotong sebuah motosikal yang lain. Akibatnya Plaintif yang menunggang motosikalnya telah melanggar bahagian belakang lori DW1. Di mahkamah ketika memberi keterangan DW1 menyatakan bahawa dia hanya mendengar bunyi dentuman di belakang lorinya dan apabila dia melihat Plaintif jatuh daripada motosikalnya, dia tidak berhenti tetapi terus pergi ke Balai Polis Sungai Siput dan telah membuat laporan polis (Ekshibit. D8). DW1 menyatakan bahawa beliau bimbang akan keselamatan dirinya sebagai alasan tidak memberhentikan lorinya di tempat kemalangan.

Saya ingin menyatakan di sini dalam saya menilai semula keputusan hakim sesyen tersebut berhubung dengan isu liabiliti saya amat menyedari akan kebolehan atau bidangkuasa Mahkamah Tinggi sebagai mahkamah rayuan untuk membuat keputusan yang bertentangan dengan pendapat-pendapat fakta yang telah diputuskan oleh hakim sesyen tersebut sebagai mahkamah peringkat pertama yang membicarakan kes ini. Mahkamah yang bersidang sebagai mahkamah rayuan tidak boleh sewenang-wenangnya mengganggu atau mengambil pendekatan yang bertentangan dengan pendapat-pendapat fakta yang telah diputuskan oleh mahkamah peringkat pertama yang membicarakan sesuatu kes tersebut kerana mahkamah tersebut dipertanggungjawabkan secara khususnya untuk membuat penilaian ke atas keterangan-keterangan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun Mahkamah Tinggi ini yang bersidang sebagai Mahkmah Rayuan mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengganggu (intervene) apabila mahkamah yang membicarakan sesuatu kes itu telah menyalaharah (misdirected) dirinya atas isu-isu yang asas, di mana

tiada mahkamah yang telah bertindak secara berpatutan sekiranya ianya telah mengarah dirinya secara betul dan mengajukan soalan-soalan yang betul akan mencapai kesimpulan (conclusion) yang sama. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada prinsip-prinsip undang-undang yang telah diputuskan oleh mahkamah sebelum ini yang menggariskan hal keadaan bagaimana sesuatu mahkamah di peringkat rayuan dibenarkan mengganggu pendapat-pendapat fakta yang diputuskan oleh mahkamah pertama yang membicarakan sesuatu kes serta membetulkan kesilapan yang telah dilakukan oleh mahkamah pertama tersebut dengan menggunakan kuasa budibicaranya. Dalam kes *Paya Terubong Estates Sdn Bhd v. Pusaka Warisan Sdn Bhd* [1998] 2 CLJ 909, Yang Arif Hakim Gopal Sri Ram HMR antara lain dalam penghakimannya di ms. 916 menyatakan seperti berikut:

> … one can, of course quite well appreciate an Appellate Court's reluctance to disturb the primary exercise of discretion. This is because a Court of Appeal in a matter such as the present does not possess an original discretion, its initial function being one of review only. However, where, as in the present instance, it is amply demonstrated that the Judge in whom the primary discretion is vested has failed to take into account relevant considerations, it is the duty of this Court to say so and to intervene and set matters right by an exercise of its own discretion.

Dalam kes *Datuk Syed Kechik Syed Mohamed & Anor v. The Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors And Another Appeal* [1998] 3 CLJ 169, Yang Arif Hakim Gopal Sri Ram HMR juga di ms. 181 menyatakan antara lain seperti berikut:

> ... this Court has no original discretion in an Appeal of this nature. Its initial function on Appeal is one of review only. It is only after an Appellant demonstrates either a serious misdirection by the Judge or that the Judge has taken into account something that he should not, or that he has failed to take into account something he should have had regard to, or that his order amounts to a miscarriage or failure of justice, then this Court would be entitled to intervene and exercise a discretion of its own.

Berbalik semula kepada kes rayuan di hadapan saya sekarang, saya mendapati hakim sesyen tersebut dalam alasan penghakimanya telah menyatakan beliau mendapati adalah jelas di dalam kes ini kedua-dua pihak yang terlibat dalam kemalangan ini memberi keterangan yang bertentangan antara satu sama lain. Beliau seterusnya menyatakan kedua-dua pihak juga tiada mengemukakan mana-mana saksi bebas yang melihat kemalangan berlaku. Di dalam keadaan begini hakim sesyen tersebut menyatakan mahkamah dikehendaki meneliti lain-lain keterangan dokumentari dan keterangan pegawai penyiasat di dalam menentukan atas imbangan kebarangkalian isu tanggungan atau liabiliti pihak-pihak yang terlibat. Beliau kemudian merujuk kepada kes *Yahaya*

Mohamad v. Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117 di mana Yang Arif Hakim Syed Agil Barakbah (YA pada masa itu) di ms. 118 antara lain menyatakan seperti berikut:

> ... Nevertheless, it is only proper to examine the other evidence available considering the conflicting stories given on either side, before making any definite conclusion. The test applicable is as approved by the Court of Appeal in *San Seong Choy & Ors v. Yuson Bien* [1963] MLJ 235, namely, where the parties on either side tell conflicting stories the photographs, plans and mesurements of the scene and the nature of the damage to each vehicle provide the most reliable guide by which such evidence can be tested … .

Saya mendapati sungguhpun hakim sesyen tersebut telah merujuk kepada prinsip undang-undang yang betul seperti yang dinyatakan olehnya seperti di atas, tetapi dalam mencapai keputusannya berhubung dengan liabiliti beliau telah gagal untuk menilai dan memberi pertimbangan yang betul ke atas keterangan bebas yang ada di hadapannya. Saya berpendapat hakim sesyen tersebut telah menyalaharah dirinya dalam penilaian dan pertimbangannya ke atas fakta-fakta yang dibuktikan melalui rajah kasar dan kunci yang disediakan oleh pegawai penyiasat (SP1). Pertama, menurut keterangan SP1 terdapat kesan pecahan kaca bertanda "C" di pertengahan jalan atas "doube-line" seperti di rajah kasar yang datangnya dari lampu besar hadapan dan lampu signal sebelah kanan motosikal yang dipercayai terpelanting pecah daripada motosikal ACR 5161 yang ditunggang oleh plaintif. SP1 juga menyatakan terdapat kesan pecahan kaca "C" tersebut antara kedudukan laluan di antara A3 dengan A4 seperti di rajah kasar iaitu laluan sah defendan. Dalam hal kedudukan pecahan kaca bertanda "C" di rajah kasar ini hakim sesyen telah menolak hujah peguam defendan bahawa "point of impact" di mana berlakunya kemalangan berada di laluan sah defendan. Sebaliknya beliau menyatakan adalah juga berkemungkinan bahawa serpihan kaca bertaburan di atas jalan akibat digelek oleh kenderaan lain yang lalu lalang di jalan tersebut sebelum SP1 sampai di situ. Hakim sesyen seterusnya menyatakan beliau berpendapat kesan kaca bertanda "C" tersebut bukanlah bukti sahih bahawa kemalangan terjadi di laluan defendan.

Adalah pandangan saya bahawa pendapat hakim sesyen bahawa serpihan kaca tersebut kemungkinan bertaburan di atas jalan akibat digelek oleh kenderaan lain yang lalu lalang di jalan tersebut tidak dapat menafikan keterangan pegawai penyiasat SP1 bahawa taburan serpihan kaca tersebut semuanya berada sama ada di tengah jalan atas "double-line" ataupun di dalam laluan sah defendan. Oleh yang demikian saya berpendapat adalah tidak munasabah untuk memutuskan bahawa kemungkinan serpihan kaca tersebut dialih datangnya dari laluan sah plaintif akibat digelek oleh kenderaan yang lain yang lalu lalang di jalan tersebut. Saya berpendapat dalam hal keadaan kes ini hakim sesyen tersebut sepatutnya menerima hujah peguam defendan di atas penekanan kepada fakta-fakta bahawa pecahan kaca daripada lampu hadapan sesebuah kenderaan

akan jatuh pada tempat kemalangan seperti yang diputuskan oleh Yang Amat Arif Hakim Wee Chong Jin CJ dalam kes *Yahaya Mat & Anor v. Abdul Rahman Abu* [1982] CLJ 68; [1982] CLJ (Rep) 363 yang menyatakan antara lain di ms. 366 seperti berikut:

> … where the glass was found as pieces of glass from the broken headlamp would probably fall almost at the point of impact.

Dalam kes ini saya juga berpendapat hakim sesyen gagal membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas bentuk kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan yang terlibat dalam kemalangan iaitu motosikal yang ditunggang oleh plaintif dan motor lori yang dipandu oleh defendan kedua. Mengikut keterangan pegawai penyiasat SP1 kerosakan bagi motor lori KAH 9170 yang dipandu oleh defendan kedua adalah seperti berikut:

(1) Terdapat kesan tanda-tanda hitam pada rim sebelah kanan tayar belakang.

(2) Tangga besi sebelah kanan bengkok sedikit.

Kerosakan bagi motosikal ACR 5161 yang ditunggang oleh plaintif adalah seperti berikut:

(1) Lampu besar hadapan pecah.

(2) Signal hadapan kanan pecah.

(3) Cermin pandang belakang kiri kanan pecah.

(4) Pengadang angin pecah.

(5) Fork hadapan bengkok.

(6) Rim hadapan bengkok.

(7) Tayar hadapan pecah sebelah.

(8) Kemek.

(9) Mudguard hadapan patah.

(10) Pemijak brake belakang bengkok

(11) Raga barang kemek.

(12) Handle bengkok

(13) Tali brake hadapan putus.

Selain dari itu saya juga mendapati hakim sesyen yang membicarakan kes ini gagal memberi pertimbangan akan kewujudan suatu selekoh di tempat kejadian seperti yang dapat dilihat di rajah kasar. SP1 dalam keterangannya menyatakan tempat kemalangan adalah selepas selekoh lebih kurang sepuluh meter dan bagi seseorang yang ambil selekoh itu beliau tidak tahu sejauh mana penglihatannya.

Saya mendapati hakim sesyen dalam memutuskan di mana tempat kemalangan berlaku iaitu "point of impact" telah memberi penekanan yang lebih ke atas kesan calar iaitu tanda "E - F" seperti yang dilakar atas rajah kasar yang berada di laluan sah plaintif. Beliau menyatakan bahawa kemalangan bermula di tanda "E" iaitu tempat mula-mula motosikal plaintif jatuh. Berhubung dengan kesan calar ini saya berpendapat ia tidak semestinya dilakukan oleh motosikal plaintif yang dikatakan jatuh di situ. Pegawai penyiasat SP1 sendiri menyatakan beliau tidak pasti bahagian mana motosikal yang sebabkan kesan calar-calar "E - F" tersebut. Apabila ditunjuk gambar eks. P2B dalam keterangannya SP1 menyatakan terdapat kesan calar lama sebelum kemalangan ini.

Dalam menilai semula keterangan-keterangan yang ada di hadapan hakim sesyen tersebut saya ingin merujuk kepada laporan polis yang dibuat oleh defendan kedua eks. D8 dan laporan polis yang dibuat oleh plaintif eks. P7. Fakta yang penting yang terdapat dalam kedua-dua laporan polis ini adalah kedua-dua pihak plaintif dan defendan masing-masing mendakwa sesuatu pihak sedang cuba memotong sebuah kenderaan yang lain di laluan masing-masing yang mengakibatkan kemalangan tersebut. Plaintif mendakwa motor lori yang dipandu oleh defendan kedua sedang memotong sebuah motokar yang datang dari arah yang sama dan telah memasukki laluan plaintif di mana motosikal plaintif telah tergesel dengan sebelah kanan motor lori tersebut. Manakala defendan kedua mendakwa beliau nampak ada sebuah motosikal yang beliau tidak ingat jenisnya telah memotong sebuah motosikal yang sama-sama menghala ke Ipoh dan pada masa itu beliau terdengar bunyi kuat di bahagian sebelah kanan belakang motor lorinya. Perlu dinyatakan di sini laporan polis defendan kedua eks. D8 telah dibuat oleh defendan kedua pada hari kemalangan iaitu pada 9 April 1996. Laporan polis plaintif eks. P7 telah dibuat pada 5 Julai 1996 iaitu lebih kurang tiga bulan selepas tarikh berlakunya kemalangan tersebut. Alasan plaintif membuat laporan polis secara lewat adalah kerana beliau mengalami kecederaan akibat kemalangan tersebut dan berada di hospital menerima rawatan hampir dua setengah bulan. Berhubung dengan laporan polis ini saya berpendapat fakta-fakta yang dinyatakan oleh defendan kedua dalam laporan polisnya adalah lebih berkemungkinan boleh diterima dan dipercayai jika dibandingkan dengan fakta-fakta yang dinyatakan oleh plaintif dalam laporan polisnya di eks. P7. Ini adalah kerana laporan polis defendan eks. D8 dibuat pada hari kejadian kemalangan sebelum siasatan pihak polis bermula dan defendan pada masa itu berada dalam pemikiran yang jelas dan tepat tanpa didorong untuk menyatakan sesuatu yang melebihi atau yang

berkurangan tentang apa yang sebenarnya berlaku. Dalam hal perkara ini saya ingin merujuk kepada kes *Karthiyuni & Anor v. Lee Leong Sin* [1975] 1 MLJ 119 di mana Yang Arif Hakim Raja Azlan Shah (DYMM Tuanku pada masa itu) di ms. 121 antara lain menyatakan seperti berikut:

> … In the familiar case where a police report is admitted under the law, it is necessary that it should have been made before police investigation commenced. The reason for this is that this class of statement is admitted upon the principle that it is the natural effusion of a party, who must know the truth, and who speaks upon an occasion when his mind stands in an even position, without any temptation to exceed or fall short of the truth.

Saya berpendapat dengan mengambil kira secara keseluruhan semua keterangan bebas yang ada di hadapan hakim sesyen yang membicarakan kes ini iaitu kedudukan serpihan kaca bertanda "C" yang berada di tengah jalan atas "doube-line" seperti di rajah kasar, bentuk kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan yang terlibat, kewujudan satu selekoh di tempat kemalangan berserta dengan fakta-fakta dalam laporan polis defendan eks. D8 yang lebih boleh dipercayai, maka pendapat fakta hakim sesyen yang memutuskan bahawa tempat kemalangan atau "point of impact" adalah pada kesan calar "E - F" di laluan plantif seperti di rajah kasar adalah suatu keputusan yang tidak boleh diterima. Adalah pendapat saya dalam kes ini hakim sesyen tersebut telah mengambil kira sesuatu dalam penilaiannya yang sepatutnya beliau tidak berbuat demikian. Sebaliknya beliau telah gagal mengambil kira fakta-fakta relevan yang berkenaan yang sepatutunya beliau mengambil kira dalam penilaiannya. Atas alasan ini mahkamah ini sebagai mahkamah rayuan adalah diberi kuasa budicara untuk mengganggu dan mengubah keputusan hakim sesyen tersebut.

Saya berpendapat dalam kes ini berasaskan keterangan bebas yang ada di hadapan hakim sesyen yang membicarakan kes ini tempat kemalangan atau "point of impact" adalah di tengah jalan "double-line". Atas alasan ini liabiliti kedua-dua belah pihak hendaklah dibahagi sama rata 50:50. Defendan kedua dalam memandu motor lorinya telah cuai apabila bergerak berada di tengah jalan yang mengakibatkan berlakunya kemalangan tersebut. Saya berpendapat dalam hal keadaan kes ini di mana terdapat sebuah selekoh yang lebih chondong ke bahagian dalam ke arah laluan plaintif di tempat kemalangan, maka adalah kemungkinan besar bagi motor lori defendan kedua untuk bergerak lebih ke tengah jalan apabila mengambil selekoh tersebut. Walau bagaimanapun saya berpendapat hakim sesyen telah gagal memberi pertimbangan kecuaian sumbangan (contributory negligence) pihak plaintif terhadap kemalangan tersebut. Prinsip kecuaian sumbangan adalah jelas bahawa apa yang perlu untuk dibuktikan bagi dakwaan kecuaian sumbangan adalah pihak yang cedera atas kepentingan untuk dirinya sendiri telah gagal

mengambil tindakan berjaga-jaga untuk dirinya dan ketiadaan tindakan berjaga-jaga ini telah menyumbang kepada kecederaannya. Dalam hal perkara ini Yang Arif Hakim Tan Ah Tah HMP dalam kes *Mohamed Hashim v. Lim Ah Too* [1969] 2 MLJ 205 antara lain menyatakan seperti berikut:

> The existence of contributory negligence does not depend on any duty owed by the injured party to the party sued and all that is necessary to establish a plea of contributory negligence is to prove that the injured party did not in his own interest take reasonable care of himself and contributed by this …. of care to his own injury.
>
> The principal involved is that, where a man is part author of his own wrong, he cannot call on the other party to compensate him in full. The standard of care depends upon foreseeability. Just as actionable negligence requires foreseeability of harm to others, so contributory negligence requires the foreseeability of harm to oneself. A person is guilty of contributory negligence if he ought reasonably to have foreseen that, it he did not act as a reasonably prudent man, he might hurt himself.

Saya berpendapat dalam kes ini berasaskan keterangan bebas yang ada di hadapannya hakim sesyen sepatutnya di atas imbangan kebarangkalian menerima versi defendan kedua berhubung dengan fakta seperti yang didakwa olehnya bahawa sebelum kemalangan, plaintif apabila memandu motosikalnya sedang cuba untuk memotong sebuah motosikal yang berada di hadapannya. Adalah pandangan saya jika fakta tersebut diambil kira ianya akan menunjukkan bahawa semasa plaintif memotong motosikal di hadapannya tersebut beliau telah terbabas dan berlanggar dengan motor lori yang dipandu oleh defendan kedua di tengah jalan di selekoh tersebut. Saya juga mendapati sekiranya kemalangan tersebut berlaku di laluan sah plaintif maka kerosakan ke atas motor lori defendan sepatutnya dialami di bahagian hadapan motor lori tersebut. Walau bagaimanapun melalui keterangan pegawai penyiasat SP1 dan gambar tempat kemalangan eks. P2 adalah jelas didapati kerosakan ke atas motor lori tersebut adalah di sebelah tepi bahagian kanannya. Saya seterusnya berpendapat kesan calar bertanda "E - F" di atas rajah kasar yang diputuskan oleh hakim sesyen sebagai tempat kemalangan dan dibuat oleh motosikal plaintif sebenarnya tidak mungkin dibuat oleh motosikal plaintif memandangkan terdapat serpihan kaca bertanda "C" di tengah jalan seperti di atas rajah kasar. Adalah pandangan saya berasaskan fakta bahawa plaintif telah secara cuai apabila menunggang motosikalnya memotong sebuah motosikal yang lain di hadapan di sebuah selekoh dan bertembung dengan motor lori yang dipandu oleh defendan kedua di tengah jalan, maka plaintif di atas tindakan tidak berjaga-jaga telah cuai dan menyumbang kepada berlakunya kemalangan tersebut.